

Denggi: Selangor catat kes tertinggi

2.11 02/02/09 MS9

■ MOHD FIRDAUSYON

SHAH ALAM – Selangor mencatatkan jumlah kes demam denggi tertinggi untuk empat minggu pertama 2009 dengan catatan 2,821 kes yang dilaporkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Catatan itu menunjukkan Daerah Petaling mencatatkan laporan sebanyak 34 peratus bersamaan 973 kes daripada semua kes yang bagi tempoh berkenaan.

Difahamkan, sehingga 21 Januari lalu, terdapat 37 lokaliti kejadian denggi berpanjangan (lebih 14 hari) berlaku di daerah Petaling dan 73 peratus daripada lokaliti berkenaan terletak di bawah kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai menyeru seluruh masyarakat

kat khususnya di sekitar Daerah Selangor memberikan kerjasama kepada pegawai kesihatan dan majlis perbandaran untuk melakukan pemeriksaan bagi membasmi denggi daripada terus merebak.

Beliau berkata, melalui statistik daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga, rumah pangsa Fasa C, Seksyen 7, di sini, mencatatkan kadar kes jangkitan demam denggi yang tinggi dan membimbangkan dengan catatan 68 kes.

“Kawasan ini yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) adalah lokaliti yang mengalami kejadian demam denggi berpanjangan lebih 100 hari sejak September tahun lalu.

“Saya sudah mengarahkan pegawai penguat kuasa kesihatan dan pihak berkuasa tempatan

(PBT) untuk mengambil tindakan di kawasan ini dan kawasan tumpuan denggi sekali gus mengawal wabak dalam jangka masa dua minggu,” katanya pemberita selepas melancarkan Kempen Perangi Denggi di rumah pangsa Fasa C, Seksyen 7, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad, Datuk Bandar MBSA, Mazalan Md Noor dan Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Dr Rosnah Hadis.

Tiong Lai berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia meletakkan sasaran pengurangan kadar kes sebanyak 50 peratus dalam jangka masa lima tahun dengan penurunan 10 peratus setiap tahun.

“Laporan doktor daripada klinik mahupun hospital kepada pihak penguat kuasa di



Tiong Lai melancarkan Kempen Perangi Denggi di Rumah Pangsa Seksyen 7, Fasa C, semalam.

setiap kawasan terbabit perlu dihantar segera supaya usaha membendung wabak denggi daripada berleluasa dapat dilakukan.

“Saya menyeru orang ramai supaya menjaga ke-

bersihan kawasan perumahan masing-masing khususnya berkaitan pembuangan sampah, penjagaan air bertakung di kolam mandi dan rumah ditinggalkan,” katanya.

Tiong Lai menggesa orang

ramai mendapatkan ubat jentik-jentik di setiap pejabat kesihatan daerah secara percuma demi memastikan kadar kes jangkitan denggi mahupun Chikungunya dapat dikawal dan diturunkan.